

Notis hak Pemegang Polisi Penting

Kepada Pemegang Polisi yang Dihormati :

Terima kasih atas sokongan dan penjagaan anda terhadap Shin Kong Life. Kami sangat menghargai kepercayaan anda kepada kami. Menjaga hak anda adalah tanggungjawab dan misi kami. Agen-agen Shin Kong Life berusaha untuk melindungi hak anda. Jika anda mempunyai sebarang cadangan atau pertanyaan, sila hubungi talian hotline Perkhidmatan Pelanggan Shin Kong Life di 0800-031-115.

1. Pemegang Polisi dikehendaki membaca dan menandatangani dokumen berkaitan polisi insurans sendiri. Agen tidak dibenarkan menandatangani untuk Pemegang Polisi, atau mengisi dokumen kontrak insurans tanpa kebenaran atau arahan daripada Pemegang Polisi .
2. Pemegang Polisi dikehendaki menyimpan nombor akaun dan kata laluan perkhidmatan insurans dalam talian sendiri. Agen tidak dibenarkan memegang atau mengendalikan nombor akaun dan kata laluan perkhidmatan insurans dalam talian bagi pihak Pemegang Polisi .
3. Pemegang Polisi dikehendaki membuat bayaran secara peribadi atau menghantarkannya ke akaun "Shin Kong Life Insurance Co., Ltd." yang ditetapkan. Agen tidak dibenarkan menggunakan akaun peribadi untuk menerima pembayaran daripada Pemegang Polisi, dan dilarang berurusan kewangan secara peribadi dengan Pemegang Polisi .
4. Sila simpan polisi insurans, cop, buku simpanan, kad ATM dan kata laluan anda dengan baik. Agen tidak dibenarkan menguruskan polisi insurans, cop, buku simpanan, kad ATM dan kata laluan bagi pihak Pemegang Polisi .
5. Pemegang Polisi di nasihatkan untuk menyemak alamat surat-menyurat, nombor telefon, dan e-mel dan matlumat komunikasi lain mereka secara berkala. Agen tidak dibenarkan menggunakan alamat tempat tinggal atau tempat kerja mereka sendiri, atau alamat orang lain, sebagai maklumat komunikasi Pemegang Polisi.
6. Pemegang Polisi dikehendaki memberikan maklumat yang benar semasa membuat kontrak insurans. Agen tidak dibenarkan mengarahkan Pemegang Polisi untuk memberikan maklumat palsu atau menyembunyikan maklumat penting yang perlu diberitahu.
7. Pemegang Polisi dinasihatkan untuk menyemak kandungan polisi insurans dan status pembayaran secara berkala. Agen tidak dibenarkan mengabaikan tanggungjawab untuk menjelaskan hak dan kewajiban polisi insurans kepada Pemegang Polisi.

Yang benar,
Bahagian Hubungan Pemegang Polisi,
Shin Kong Life Insurance Co., Ltd.

Versi:202407

Sumber muat turun: <https://active.skl.com.tw/skl165/>